



كوفراسي فكاوي كراجا نكدي فدرح وارا لاسا برحمه
**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

JAWATAN KOSONG PENGURUS STESEN MINYAK PETRONAS

Kami merupakan sebuah koperasi yang terlibat di dalam aktiviti pembiayaan kredit dan serbaguna. Kami mempelawa calon yang berkelayakan, berpengalaman dan berintegriti untuk mengisi jawatan **Pengurus Stesen Minyak**

TANGGUNGJAWAB UTAMA:

1. Mengurus operasi harian stesen minyak
2. Menyelia kakitangan dan memastikan pematuhan kepada SOP
3. Mengurus jualan, stok, laporan dan perkhidmatan pelanggan
4. Memastikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dipatuhi

KELAYAKAN /SYARAT:

1. Warganegara Malaysia
2. Ijazah Sarjana Muda dalam Pengurusan Perniagaan, Pengurusan, atau bidang yang setaraf dengannya
3. Minimum 2–3 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan (pengalaman dalam perniagaan stesen minyak/runcit adalah kelebihan)
4. Kemahiran dalam pengurusan kewangan/akaun adalah satu kelebihan
5. Mempunyai kemahiran kepimpinan, komunikasi dan pengurusan yang baik
6. Berdisiplin, bertanggungjawab dan amanah

GAJI DAN FAEDAH:

1. Gaji pokok : RM2,300 – RM4,220 sebulan
2. Elaun dan kemudahan lain: KWSP, SOCSO, elaun dan tuntutan perjalanan, elaun telefon, elaun mesyuarat, khairiat kematian, kemudahan pembiayaan, rawatan perubatan dan bonus tahunan (tertakluk kepada prestasi)

JUMLAH KEKOSONGAN : 1 Kekosongan (Lelaki)

Calon-calon yang berminat dipelawa untuk mengisi borang dan butir-butir peribadi yang lengkap mengenai kelayakan dan pengalaman, **salinan sijil akademik dan transkrip yang disahkan, salinan kad pengenalan, sijil kelahiran, sekeping gambar terbaru berukuran pasport serta nombor telefon yang boleh dihubungi**. Borang boleh diambil di pejabat Koperasi seperti alamat di bawah.

Semua permohonan yang lengkap berserta lampiran hendaklah sampai ke alamat berikut atau email kepada hr@kopkedah.com.my pada atau sebelum: **28 April 2026**

**Tuan Setiausaha
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad
No.2 & 4, Taman Koperasi Kedah, Jalan Tun Razak
05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman**